

D831

R B368 BAH
(EMBARGO:UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)
MAHATHIR - GSP

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN MEMBERI TUMPUAN TERHADAP SOAL PENARIKAN BALIK TARAF SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) KERANA IA MENGAMBIL BERAT KEPENTINGAN PEKERJA DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, 130,000 ORANG MUNGKIN KEHILANGAN PEKERJAAN SEKIRANYA TARAF ITU DITARIK BALIK DARI MALAYSIA.

WALAUPUN BILANGAN ITU KECIL BERBANDING DENGAN SEJUMLAH LIMA JUTA PEKERJA DI NEGARA INI, KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGETEPIKAN KEPENTINGAN MEREKA, KATANYA SEMASA DIWAWANCARA DALAM RANCANGAN ISU SEMASA YANG DISIARKAN MENERUSI TELEVISYEN MALAYSIA MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN GSP CUMA MELIBATKAN SATU BIDANG YANG KECIL TETAPI KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGABAİKANNYA KERANA IA MELIBATKAN SEKTOR ESKPORT NEGARA.

+MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA EKSPORT DAN KITA TIDAK BOLEH MENGABAİKAN SEKTOR EKSPORT, WALAUPUN KECIL, KERANA KALAU KITA BERJAYA DALAM MENINGKATKAN EKSPORT, INI ADALAH JUMLAH SEMUA SEKTOR,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1534MST 09 07 90

D833

R B369 BAH
MAHATHIR - GSP 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JADI KALAU KITA KATA SEKTOR INI TIDAK PENTING... KITA AKAN MENGABAİKANNYA, DAN ADA LAGI PULA SEKTOR-SEKTOR YANG KECIL YANG JUGA DIANGGAP TIDAK PENTING. TETAPI KALAU KITA JUMLAHKAN SEMUANYA, INI AKAN MENJADI SATU SEKTOR YANG BESAR YANG MENYEBABKAN TEKANAN TERHADAP PEKERJA KITA.+

+KERANA KITA INGIN MENYELAMATKAN PEKERJA KITALAH MAKA KITA BEGITU MENGAMBIL BERAT TENTANG SOAL GSP,+ TEGAS BELIAU.

APABILA DITANYA APAKAH KERAJAAN TIDAK BOLEH ATAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP GOLONGAN TERTENTU DI DALAM NEGARA YANG BERSUBAHAT DALAM USAHA MENARIK BALIK GSP, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN BERPENDAPAT TIDAK PERLU BERTINDAK TERHADAP GOLONGAN ITU TETAPI AKAN MEMBERI PENJELASAN AGAR RAKYAT FAHAM IMPLIKASI TINDAKAN GOLONGAN TERSEBUT.

KATANYA, KALANGAN TERSEBUT BERANGGAPAN BAHAWA MEREKA BOLEH MENGUGUT KERAJAAN SUPAYA TUNDUK KEPADA KEHENDAK MEREKA.

+MEREKA JUGA BERPENDAPAT BAHAWA YANG AKAN RUGI IALAH MAJIKAN, PEMILIK KILANG, TETAPI MEREKA TIDAK MEMBERI PERHATIAN YANG TURUT SAMA RUGI IALAH PEKERJA-PEKERJA,+ JELASNYA. -- LAGI.

1538MST 09 07 90

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEMUA PIHAK IAITU MAJIKAN DAN PEKERJA, KERANA MENURUTNYA, JIKA TIDAK ADA MAJIKAN, MAKA TIDAK ADA PEKERJA.

KATANYA, JIKA PADA MASA LALU RAKYAT KURANG MEMBERI PERHATIAN KEPADA SOAL GSP, KINI MEREKA SUDAH FAHAM BAHAWA PENARIKAN BALIK GSP AKAN MERUGIKAN PEKERJA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, PENJELASAN ITU SEKALIGUS MENGHILANGKAN KREDIBILITI GOLONGAN YANG PADA MULANYA MENDESAK ORANG ASING MENUNTUT SUPAYA GSP DITARIK BALIK SEHINGGA MEREKA KINI MENYATAKAN SOKONGAN KONONNYA INGIN MENENTUKAN AGAR GSP TIDAK DITARIK BALIK.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BAHAWA KALANGAN NEGARA MAJU SEBENARNYA TIDAK PERNAH BERSIMPATI TERHADAP PEKERJA DI NEGARA INI TETAPI BERNIAT MENGHASUT PEKERJA SUPAYA MOGOK AGAR KOS BARANGAN NEGARA MEMBANGUN MENINGKAT DAN TIDAK DAPAT BERSAING DENGAN KELUARAN MEREKA.

+DAHULU SEBELUM KITA BOLEH BERSAING DENGAN MEREKA, MEREKA TIDAK SAMA SEKALI MENUNJUK SIMPATI KEPADA PEKERJA KITA. KALAU DITEKAN, TIDAK ADA KERJA, MERANA, MEREKA TIDAK AMBIL PEDULI SAMA SEKALI.

+TETAPI APABILA KITA BOLEH, SEPERTI KOREA SELATAN, BERSAING DENGAN BARANGAN MEREKA MAKA KETIKA ITU TIMBUL PERASAAN TANGGUNGJAWAB KONONNYA TERHADAP PEKERJA-PEKERJA,+ KATANYA. -- LAGI.

+JADI MEREKA BERPURA-PURA MENUNJUKKAN SIMPATI KEPADA PEKERJA-PEKERJA SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN DIRI MEREKA, BUKAN KERANA KEPENTINGAN PEKERJA DI SINI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENGGESA SEMUA PIHAK TERMASUK AKHBAR MENERANGKAN TUJUAN SEBENAR DI SEBALIK USAHA NEGARA-NEGARA BARAT YANG KONONNYA MEMPERJUANGKAN HAK ASASI MANUSIA DAN HAK PEKERJA.

KATANYA, PENERANGAN KEPADA PARA PEKERJA MENGENAI PERKARA TERSEBUT PERLU DIBUAT SECARA TERBUKA KERANA SESETENGAH PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN POLITIK SUDAH PASTI TIDAK AKAN MEMBERI GAMBARAN YANG SEBENAR.

MENGENAI DAKWAAN PIHAK TERTENTU KONONNYA UNDANG-UNDANG NEGARA MENINDAS PEKERJA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEMIMPIN PEKERJA MEMBUAT TUDUHAN ITU UNTUK MENDAPATKAN SIMPATI ORANG ASING DI SAMPING MENONJOLKAN DIRI SEBAGAI JAGUH PEKERJA.

KATANYA, KERAJAAN MEMBERI KEBEBASAN YANG PENUH KEPADA KESATUAN SEKERJA TETAPI IA HARUS MENJAGA AGAR PEKERJA TIDAK MENGGUNAKAN KUASA ITU, DENGAN KEFAHAMAN YANG SALAH, UNTUK MEMBINASAKAN DIRI SENDIRI. -- LAGI.

1607MST 09 07 90

D849

R B376 BAH
MAHATHIR - GSP 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAAN MAHU AGAR PEKERJA MENDAPAT GAJI YANG TINGGI KERANA DENGAN DEMIKIAN DAPAT MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA, KATA BELIAU.

+TETAPI KALAU KITA HENDAK GAJI YANG TINGGI, SEBALIKNYA KERANA DESAKAN KITA, KITA TIDAK LAGI DAPAT BERSAING, TIDAK BOLEH JUAL BARANGAN KITA, GAJI YANG TINGGI ITU TIDAK LAMA. AKHIRNYA SYARIKAT AKAN TUTUP DAN KITA AKAN KEHILANGAN KERJA. SEBAB ITU KITA MINTA SUPAYA SEMUANYA DIBUAT SECARA SEDERHANA,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI KESATUAN DALAMAN, PERDANA MENTERI BERKATA: +WALAUPUN ADA BERPULUH SYARIKAT DALAM SATU BIDANG PERNIAGAAN, TIDAK SEMUANYA BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN ATAU MENDAPAT KEUNTUNGAN YANG SAMA+.

+SEBAB ITU MEREKA MEMBERI BAYARAN GAJI DAN ELAUN KEPADA PEKERJA MENGIKUT KEMAMPUAN MEREKA. DAN PEKERJA PULA TAHU BAHAWA KALAU MEREKA MEMBUAT ANGGARA, MEREKA AKAN SAMA-SAMA RUGI,+ KATANYA.

SEBALIKNYA JIKA DIWUJUDKAN KESATUAN BAGI SATU INDUSTRI, BELIAU BERKATA, APABILA BERLAKU TUNTUTAN KENAIKAN GAJI, SYARIKAT YANG TIDAK MAMPU MUNGKIN TERPAKSA TUTUP PERNIAGAAN.

SEMASA WAWANCARA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULAS MENGENAI SOAL KONSEP NEGARA PERINDUSTRIAN BARU, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, AGAMA ISLAM DAN KEDUDUKAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA. --